

IDENTITI MELAYU PATANI: KAJIAN TENTANG  
PERANAN INSTITUSI PONDOK DI WILAYAH  
PATTANI

SAWAWEE PADAMAENG

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2004



## BAB I

### PENDAHULUAN

1.0 Ini adalah satu kajian mengenai peranan pondok sebagai satu institusi agama yang mempertahankan identiti Melayu Patani. Kajian ini hanya mengkhususkan peranan institusi-institusi pondok yang terletak di wilayah Pattani dan cuba membuktikan bahawa institusi pondok adalah institusi utama yang berperanan dalam mempertahankan identiti-identiti Melayu Patani.

Pondok ialah institusi pendidikan yang mengendalikan pengajian agama Islam, di mana tuan guru diakui kepakarannya oleh penduduk Melayu tempatan (Awang Had Salleh 1977). Pondok adalah kata pinjaman daripada bahasa Arab yang bererti hotel. Di sini pondok bermaksud institusi pengajian agama Islam. Perkataan pondok digunakan oleh kerana pelajar-pelajar akan membina dangau atau rumah kecil di sekeliling rumah tuan guru. Biasanya rumah tuan guru berhampiran dengan surau, di kawasan depan (pondok luar) adalah pondok pelajar lelaki dan di belakang (pondok dalam) adalah pondok pelajar perempuan. Jumlah pondok tergantung kepada kemajuan pondok tersebut.

Beberapa kajian telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan pengkaji barat mengenai masyarakat Melayu di selatan Thailand. Di antara kajian-kajian tersebut ada menyentuh tentang identiti Melayu dan institusi pondok. Sebagai contoh, terdapat kajian yang menyentuh mengenai kesedaran orang Islam terhadap identiti etnik, masalah konflik di empat wilayah selatan Thailand yang ada juga berpunca daripada masalah identiti (disamping masalah-masalah lain, pondok dan madrasah dan

sebagainya. Namun begitu, mereka tidak menumpukan kajian tentang identiti Melayu Patani dan tidak menghuraikan pondok sebagai institusi utama yang mempertahankan identiti Melayu Patani.

Thailand merupakan satu negara berbilang bangsa. Kelompok-kelompok etnik selain etnik Thai berpindah masuk ke Thailand setelah negara selesai dibentuk, kecuali golongan Morn, keturunan orang bukit dan Melayu di selatan yang sudah mendiami di kawasan ini. Golongan Melayu dimasukkan ke bawah pemerintahan Thailand mengikut perjanjian *The Anglo-Siamese Treaty* antara Inggeris dengan Thailand pada tahun 1909. Setelah termaterainya perjanjian ini, kerajaan Thailand menganggap orang Melayu di Thailand berbangsa dan keturunan Thai (Worawit Baru 1999). Kerajaan Thailand berjaya menjalankan dasar asimilasi dan integrasi terhadap kelompok minoriti, namun begitu dasarnya tidak dapat berjalan lancar terhadap orang Melayu kerana mereka mempunyai agama, bahasa dan kebudayaan yang jauh berbeza daripada penduduk majoriti negara. Oleh itu orang Melayu di Thailand adalah minoriti yang diberi perhatian khusus oleh kerajaan.

Sehingga sekarang, kerajaan Thailand berusaha dengan berbagai pendekatan untuk mengintegrasikan rakyatnya. Dasar-dasar yang dikuatkuasakan menimbulkan kesan kepada identiti orang Melayu. Terdapat dua pilihan bagi masyarakat Melayu untuk meneruskan identitinya. Sama ada dengan penentangan atau bertindak secara pragmatik untuk kelangsungan dan kesinambungan budaya, bahasa dan agama.

Dalam penentangan pernah menimbulkan banyak masalah, maka pilihan sekarang adalah tindakan pragmatik. Di samping mengikut dasar kerajaan dengan berwaspada, orang Melayu juga memilih berbagai pendekatan yang tidak bercanggah

dengan dasar kerajaan untuk mempertahankan identitinya. Sebagai contoh, mereka menerjuni dalam bidang politik Thailand sehingga berjaya mendapat jawatan-jawatan penting dalam politik Thailand seperti timbalan perdana menteri, speaker parlimen, menteri dalam negeri, menteri luar negeri, menteri pertanian dan sebagainya.

Kursus bahasa Melayu dan pengajian Melayu di universiti kerajaan seperti di Universiti Prince of Songkla, Universiti Thaksin, Universiti Walailak, Universiti Ramkhamhaeng, Universiti Chulalongkorn, Universiti Thammasat dan Universiti Mahidol juga merupakan satu langkah lagi kejayaan pihak kerajaan dan orang Melayu untuk saling memahami. Di samping menyebarkan bahasa dan budaya Melayu, golongan majoriti juga dapat memahami budaya orang Melayu. Selain pengajian (bahasa) Melayu, pengajian Islam yang dimasukkan di setiap peringkat pengajian di sekolah kerajaan, terutama di Wilayah Sempadan Selatan Thailand juga tidak kurang peranannya.

Kesedaran terhadap sejarah Patani juga dapat membantu mengekalkan identiti. Sejarah telah menunjukkan bahawa di antara abad ke-16 dan 17, Patani adalah sebuah kerajaan yang memiliki hegemoni terhadap wilayah pantai timur semenanjung Melayu. Kerajaan Patani adalah kerajaan yang makmur dan berperanan sebagai pusat perdagangan. Pada waktu itu juga Patani mempunyai sistem politik yang stabil dan hubungan diplomatik yang baik. Oleh itu Patani tidak dijajah oleh penjajah barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris yang menjajah negeri-negeri di sekitarnya (Jitmond, S. 1988).

Menurut Pitsuwan, S. (1982), pada awal abad ke-19, Patani menjadi sebuah pusat pendidikan Islam tradisional di Asia Tenggara. Patani mempunyai ulama yang masyhur dan banyak menghasilkan kitab-kitab agama. Selain daripada penuntut

tempatan, terdapat banyak penuntut yang datang dari wilayah lain di Nusantara seperti Malaysia, Indonesia dan Filipina. Mereka belajar di sini sebelum menyambung pelajarannya ke kota Mekah.

Sehingga sekarang masih ada lagi tuan guru yang aktif mengajar kitab Jawi. Kitab Jawi atau kitab kuning merupakan buku agama bertulisan Jawi karya ulama Nusantara. Ulama Patani sendiri telah banyak mengarang kitab Jawi dan masih diajarkan di Nusantara. Sehingga sekarang, kitab Jawi dicetak berulang-ulang untuk memenuhi keperluan penuntut yang belajarnya di institusi pondok, madrasah dan masjid.

Walaupun kebanyakan institusi pondok yang merupakan benteng utama identiti Melayu bertindak secara pragmatik berubah kepada bentuk sekolah dan terpaksa memasukkan aliran akademik atau pengajian sekular kerajaan yang diajarkan dalam bahasa Thai. Namun begitu, sejumlah besar pondok masih mengekalkan sistem pengajian tradisi dengan mengajar kitab Jawi pada waktu luar pengajian sekolah, iaitu selepas solat Maghrib, Isyak dan Subuh. Sistem pengajian tradisi ini berbentuk halakah, di mana murid-murid duduk mengelilingi tuan guru berbentuk separuh bulatan.

Bahasa pengantar dalam pembelajaran agama Islam di sekolah atau madrasah di wilayah Pattani adalah bahasa Melayu. Pelajar lulusan sekolah agama kemudian menyambung pelajaran mereka ke negara-negara Islam termasuk juga Malaysia, Indonesia dan Brunei. Setelah tamat pengajian, mereka pulang ke tanah air dan berkhidmat sebagai guru agama, *dato' yutitham*<sup>1</sup>, ahli jawatan kuasa majlis agama

---

<sup>1</sup> Jawatan kadi yang dilantik oleh kerajaan untuk membicarakan undang-undang Islam mengenai keluarga dan pusaka di kawasan wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul

Islam wilayah, imam, khatib, bilal dan sebagainya. Mereka ini berperanan dalam masyarakat dalam menyebarkan agama Islam dan bahasa Melayu.

Perubahan pondok kepada Sekolah Agama Islam Swasta dan perlu mengikut dasar kerajaan telah mengurangkan peranan institusi pondok. Institusi yang mengajar agama dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya terpaksa memasukkan ilmu sekular yang disediakan oleh kerajaan dan diajar dalam bahasa Thai. Walau bagaimanapun kajian ini cuba menegaskan bahawa institusi pondok merupakan institusi utama yang masih berperanan dalam mempertahankan identiti Melayu Patani.

## 1.1 **Objektif Kajian**

1.1.1 Untuk mengenalpasti identiti Melayu Patani. Islam adalah teras identiti Melayu Patani yang mempengaruhi dan memperkembangkan identiti bahasa, kebudayaan, sejarah dan pondok.

1.1.2 Untuk mengkaji peranan institusi pondok di wilayah Pattani dalam mempertahankan identiti Melayu. Institusi pondok yang ditubuh oleh ulama Patani sejak awal kemasukan Islam lagi banyak berperanan dalam mempertahankan identiti Melayu. Pengkaji berpendapat bahawa agama Islam adalah teras identiti Melayu Patani, maka pondok merupakan institusi utama yang mengeluarkan cendekiawan untuk menyebarkan dan mempertahankan identiti Melayu di wilayah Pattani. Lulusan pendidikan pondok amat berperanan dalam masyarakat Patani. Di kalangan mereka ada yang menubuhkan pondok, memegang jawatan utama di masjid seperti imam, khatib, bilal dan ahli jawatan kuasa masjid, penceramah agama, mengajar kitab Jawi di masjid-

masjid dan guru sekolah tadika. Bahasa Melayu dan adat-adat yang tidak bercanggah dengan agama juga diteruskan oleh mereka.

1.1.3 Untuk memperlihatkan kesan dasar integrasi dan asimilasi kerajaan terhadap identiti Melayu Patani. Kerajaan dapat menyatupadukan rakyatnya, terutama di kawasan bandar yang berlatarbelakangkan pendidikan di sekolah awam kerajaan. Namun begitu, dasar asimilasi dan integrasi banyak memberi kesan terhadap masyarakat Melayu. Sehingga penguatkuasaan dasar tersebut menyebabkan berlaku penolakan daripada rakyat.

## 1.2 **Kepentingan Kajian**

Walaupun kajian ini bertumpu kepada wilayah Pattani sahaja, namun begitu hasil kajian ini dapat menggambarkan masalah yang dialami oleh penduduk Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand amnya. Bagaimanapun tidak dinafikan bahawa setiap wilayah mempunyai faktor-faktor tersendiri yang membezakan sedikit sebanyak di antara setiap wilayah tersebut.

Kajian ini amat penting untuk mengenalpasti identiti Melayu Patani dan mengetahui peranan pondok yang merupakan institusi terpenting bagi penduduk Melayu di Pattani dalam mengembang dan mempertahankan identiti Melayu. Di samping itu dapat melihat kesan daripada dasar kerajaan terhadap identiti penduduk Melayu dan pendekatan pragmatik untuk kelangsungan. Semoga maklumat ini dapat menyedarkan penduduk Melayu dan memberi sumbangan ilmiah kepada orang awam supaya lebih-lebih lagi memahami orang Melayu. Kefahaman antara satu sama lain dapat membentuk masyarakat yang aman dan harmoni.

### 1.3 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini mengguna dua kaedah utama iaitu kajian keperustakaan dan kerja lapangan.

1.3.1 Dalam kajian keperustakaan, pengkaji akan memberi perhatian kepada data-data yang relevan dengan kajian ini. Terutama data-data yang menulis berkenaan Patani, sama ada dihasilkan oleh sarjana-sarjana Melayu, Thailand, Barat dan lain-lainnya.

1.3.2 Kerja lapangan juga dilakukan supaya mendapat bahan-bahan yang perlu untuk kajian ini. Beberapa kaedah digunakan sewaktu kerja lapangan, antaranya ialah:

1.3.2.1 Peyertaan dan Pemerhatian (Participant Observation), dengan cara ini pengkaji bertindak mendengar dan memerhatikan bahawa di mana mungkin menyertai aktiviti, seperti ikut kelas kitab Jawi di pondok dan madrasah, ceramah agama, khutbah Jumaat dan sebagainya. Segala yang difikir penting akan dicatat ke dalam buku catatan di sepanjang masa menyertai dan memerhatinya. Bagaimana pun lokasi yang dikaji merupakan tempat kelahiran pengkaji sendiri, oleh itu pengalaman pengkaji sebelum ini yang pernah belajar di pondok selama enam tahun, banyak membantu pengkaji mendapat maklumat yang tepat dan mendalam.

1.3.2.2 Temuramah (Interview Schedule) digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang tidak boleh dapat melalui kaedah-kaedah lain. Pengkaji akan memilih temuramah sesiapa sahaja yang dianggap dapat memberi maklumat mengenai



kajian ini dan dapat mewakili populasi kajian. Pengkaji mungkin menemuramah tuan guru, guru tadika, pelajar, orang awam dan sebagainya.

#### 1.4 Kajian Kepustakaan (Literature Review)

Terdapat banyak kajian dan buku dalam berbagai aspek tentang penduduk Melayu di Thailand yang telah dihasilkan oleh sarjana tempatan dan luar negara. Dalam kajian yang dihasilkan di Thailand sendiri kadang kala memberi maklumat yang berbeza kerana mereka mendapat bahan-bahan yang terhad dan tidak dapat menguasai dengan sepenuhnya. Kajian ini akan meneliti daripada sumber yang dihasilkan oleh semua pihak sama ada kajian yang dijalankan oleh sarjana Melayu tempatan, mahupun sarjana dari kawasan lain. Di sini pengkaji akan memilih beberapa kajian yang berkaitan dengan identiti Melayu dan institusi pondok di Patani sahaja.

Arong Suthasat (1976) telah mengkaji tentang “Masalah Perselisihan di Empat Wilayah Selatan”. Beliau membincang tentang kesedaran orang Melayu terhadap identitinya yang berbeza daripada orang Buddha. Perbezaannya adalah dari segi sejarah, agama, kepercayaan, kebudayaan dan bahasa. Konflik yang berlaku di Wilayah Sempadan Selatan adalah berpunca daripada perbezaan identiti dan kesan psikologi.

Beliau mencadangkan bahawa kumpulan yang berperanan dan selalu berhubung dengan orang Melayu seperti polis, pegawai kerajaan bahagian pentadbiran, ahli politik, ahli bisnes, pedagang dan sebagainya mesti memahami agama Islam dengan betul. Untuk menimbulkan kemesraan apabila berinteraksi dengan orang Melayu, pegawai kerajaan mesti memahami kebudayaan Melayu dan boleh menggunakan bahasa Melayu dialek Patani.

Dalam tesis Ph.D. Uthai Dulyakasem (1981) bertajuk "Education and Ethnic Nationalism: A Study of the Muslim-Malays in Southern Siam" mengkaji perhubungan antara aspek proses modenisasi yang dijalankan oleh kerajaan, seperti pembangunan pendidikan, ekonomi, politik dengan nasionalisme etnik masyarakat Melayu di selatan Thailand. Nasionalisme etnik adalah bentuk istimewa bagi kekelompokan etnik yang aktiviti dijalankan oleh kelompok pemisah untuk melawan usaha kerajaan pusat yang berusaha mengasimilasi kelompok etniknya. Selain itu kelompok pemisah juga merancang politik dan ekonomi untuk menentukan bangsa dan negara.

Menurut beliau, kerajaan berusaha mengasimilasi penduduk Melayu melalui sistem pendidikan yang dikuatkuasakan. Pangasimilasian dan proses modenisasi bertembung dengan nasionalisme Melayu menyebabkan demonstrasi oleh penduduk di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun. Kadang kala reaksi kekerasan dilakukan, seperti serangan oleh organisasi bersenjata terhadap kerajaan supaya menunai tuntutan mereka.

Surin Pitsuwan (1982) dalam tesis Ph.D.nya berjudul "Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay-Muslims of Southern Thailand" membincangkan tentang proses dalam mempertahankan kelangsungan kebudayaan Melayu di selatan Thailand untuk kelangsungan. Orang Melayu berjuang sepanjang masa, sama ada sebelum atau selepas Patani menjadi sebahagian daripada negara Thailand pada tahun 1902. Menurut beliau, Agama Islam memainkan peranan penting, sama ada pada waktu perubahan ekonomi, politik dan keadaan masyarakat di sepanjang sejarah politik Thailand.

Chawiwann Vannaprasert, Perayot Rahimmula dan Manop Jitpoosa (1987) dalam kajian "The Traditions Influencing the Sosial Integration between the Thai Buddhist and the Thai muslims" mengkaji adat-adat yang membantu mengintegrasikan masyarakat di antara orang Buddha dan Muslim. Adat-adat tersebut adalah adat perkahwinan, khitan, maulidur rasul, hari raya, asura, songkran, *ching pret* (adat agama Buddha yang membuat kuih muih untuk memuja roh), *nag* (orang Buddha yang bakal menjadi sami), adat-adat yang masih diamalkan oleh kedua pihak mengikut agama masing-masing seperti nasi baru dan sebagainya. Menurut kajian, adat-adat tersebut boleh membantu menyatupadukan masyarakat. *Bagaimana?*

Kajian bertajuk "Ethnic Group: Thai Muslim" ditulis oleh Sawvane Jitnoud (1988) membincangkan tentang minoriti etnik yang beragama Islam di Thailand termasuk sifat etnosentrisme, asimilasi kebudayaan melalui dasar kerajaan dan konflik antara penduduk Melayu dengan pemerintah di Wilayah Sempadan Selatan. Sifat etnosentrisme menyebabkan perasaan prejudis, diskriminasi dan konflik.

Hasan Madmarn (2001) dalam "Pondok dan Madrasah di Patani" mengkaji tentang pengajian Islam di selatan Thailand dengan melihat peranan ulama di institusi pondok terhadap masyarakat Islam. Menurut beliau, ulama Patani banyak menulis dan menterjemah buku-buku agama atau lebih dikenali dengan kitab Jawi. Kitab Jawi dipelajari oleh penduduk Patani dan kawasan-kawasan lain di Nusantara. Kitab Jawi dicetak berkali-kali untuk memenuhi keperluan penuntut dan juga mempertahankannya.

Kajian beliau dapat membantu pengkaji untuk melihat sumbangan pondok yang dijalankan oleh ulama Patani melalui kitab Jawi. Agama Islam dan kitab Jawi yang

dituliskan dengan tulisan Jawi dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar adalah identiti Melayu Patani.

Ahmad Idris @ Worawit Baru (1999) dalam tesis Ph.D. berjudul “Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di negara Thai” telah mengkaji kesan dasar asimilasi kerajaan terhadap bahasa Melayu di Thailand, khususnya di Wilayah Sempadan Selatan. Menurut beliau, asimilasi merupakan usaha golongan majoriti yang ingin menyelesaikan masalah minoriti dengan menyempitkan atau menghapuskan segala perbezaan yang ada pada golongan minoriti. Identiti golongan minoriti akan digantikan dengan identiti golongan dominan. Dasar-dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan seperti dasar penggunaan istilah “Thai Muslim” untuk orang Melayu, dasar penggunaan nama keluarga, dasar pengurusan pendidikan dan dasar penguatkuasaan akta pendidikan wajib. Beliau mendapati bahawa bahasa Thai sedang menyerap dan mengambil tempat dalam masyarakat Melayu yang menyebabkan bahasa Melayu semakin merosot.

Charan Maluleem, Kittima Amornthat dan Phornphimon Trichort (1996) membuat kajian tentang “Thailand dan Dunia Muslim: Kajian kes Orang Thai Muslim”. Kajian ini membincang tentang agama, namun begitu masalah politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan juga turut diuraikan. Menurut mereka Agama Islam dianuti oleh penduduk setiap pelusuk dunia, oleh itu agama Islam bukan milik sesuatu bangsa. Islam adalah perlembagaan hidup untuk setiap orang dan mengajar setiap ilmu termasuk sains, sains sosial, akhlak, sosiologi, antropologi dan lain-lain. Mereka juga menyentuh tentang konflik orang Islam di selatan Thailand dengan orang Buddha dan pegawai kerajaan. Kajian ini membantu pengkaji untuk menegaskan bahawa Islam adalah teras identiti Melayu.



Khachatpai Burutsaphat (1976) menulis buku bertajuk "Thai Muslim". Beliau menghurai tentang orang Muslim di Wilayah Sempadan Selatan Thailand, sistem pentadbiran, keadaan ekonomi, sosial dan pengangkutan. Beliau membincangkan juga tentang masalah yang berlaku di Wilayah Sempadan Selatan. Di antara masalah-masalah lain, juga berpunca kerana sifat buta huruf orang Melayu terhadap bahasa Thai. Orang Melayu yang boleh bercakap bahasa Thai pula lebih suka bercakap bahasa Melayu.

Uthai Hiranto (1978) mengkaji tentang "Muslim di Negara Thailand". Beliau juga menyebut tentang orang Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand bahawa mempunyai kebudayaan berbeza daripada majoriti negara kerana beragama Islam. Pakaian, bahasa dan adat juga berlainan dengan majoriti negara. Beliau membanding kebudayaan orang Thai Muslim di Wilayah Sempadan Selatan dengan orang Malaysia dan mendapati lebih serupa dengan Malaysia. Orang Islam di Wilayah Sempadan Selatan suka bercakap bahasa Melayu, menulis dengan tulisan Jawi dan mengasihi sesama Islam kerana Islam sudah membentuk identiti, terutama identiti bahasa, agama dan adat. Setiap orang bertugas mempertahankan identiti.

Likhit Thirawekhin (1978) mengkaji tentang "Minoriti Etnik di Negara Thailand" mendapati bahawa kehidupan orang Islam di Wilayah Sempadan Selatan amat sederhana, teguh dengan agama dan bercakap dengan bahasa Melayu dialek Patani. Orang yang menganut agama Islam dipanggil "Muslim". Panggilan "Khaek" yang bermakna pendatang atau orang asing yang membayangkan sikap pandang rendah menyebabkan orang yang dipanggil merasai tidak senang hati. Beliau berpendapat bahawa krisis minoriti berpunca daripada diskriminasi keturunan, bahasa dan budaya.

Alisa Hasamoh (2000) mengkaji tentang “The Consciousness of Ethnic Identity of The Thai Muslim in Rueso Community”. Beliau membahagi identiti yang agak jelas berbeza daripada masyarakat lain kepada tiga iaitu identiti sejarah, identiti agama dan kebudayaan, dan identiti bahasa. Menurut kajian mendapati bahawa penduduk Melayu di komuniti Rueso, wilayah Narathiwat mempunyai kesedaran tinggi terhadap identiti mereka, khususnya orang lelaki, golongan tua dan orang yang berpendidikan agama. Sementara orang wanita mempunyai kesedaran tinggi juga tetapi agak kurang sedikit daripada orang lelaki. Kajian tersebut didapati bahawa orang yang berpendidikan sekular atau bekerja sebagai pegawai kerajaan kurang mempunyai kesedaran terhadap identiti mereka.

Phisamai Surerat (1998) dalam kajiannya “Islamic Identity Among the Muslim of the Pattani Province, Thailand” telah menumpu kajian kepada identiti Islam. Beliau juga mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan identiti Islam di wilayah Pattani boleh berterusan. Peninggalan karya-karya ulama seperti Sheikh Daud al-Fatani dan peranan Majlis Agama Islam Wilayah Pattani yang berkhidmat tentang urusan agama untuk umat Islam di wilayah Pattani sekarang juga merupakan faktor yang menyebabkan identiti Islam di wilayah Pattani boleh berterusan.

Selain itu terdapat juga kajian yang menumpukan kepada sejarah Patani. Maklumat daripada kajian tersebut boleh menegaskan lagi bahawa Patani mempunyai satu identiti yang penting lagi iaitu identiti sejarah.

Buku mengenai sejarah Patani bertajuk “Patani: Dahulu dan Sekarang” oleh A. Bangnara (1976) dicetak dalam tulisan Thai, kemudian diterjemah kepada tulisan Jawi

(1977) dan tulisan Rumi (1980). Buku ini menyebut tentang kerajaan Patani sebelum Islam, kerajaan Islam Patani dan Patani di bawah pemerintahan Siam.

Mohd Zamberi A. Malik (1993) dalam bukunya "Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik" membincang mengenai kedudukan awal Langkasuka-Patani, Empayar Melayu Islam Patani, Pergerakan Nasionalisme-Islam Patani apabila menjadi sebahagian daripada Thailand dan usaha integrasi yang dijalankan oleh kerajaan Thailand. Pergerakan demonstrasi umat Islam Patani sehingga perjuangan bersenjata dan keterlibatan kewibawaan Malaysia juga turut dibincangkan.

Ahmad Fathy al-Fatani (2001) dalam buku karangannya "Pengantar Sejarah Patani" menyentuh zaman Langkasuka, pembangunan negeri Patani dan Patani di bawah Siam. Tempat-tempat bersejarah seperti Gerisek, Tanjung Dato', Cabang Tiga, masjid-masjid bersejarah dan makam-makam bersejarah di Patani juga dibincangkan.

Satu kajian lagi mengenai sejarah bertajuk "Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand (1932-1994)" dijalankan oleh Ahmad Omar Chapakia (1997) telah menyelidik mengenai sejarah politik Thailand bermula kerajaan monarki mutlak sehingga kerajaan demokrasi yang berpengaruh mengubah kerajaan dan masyarakat Melayu di selatan Thailand. Respons masyarakat Islam terhadap tindakan kerajaan dan peranan badan-badan Islam, termasuk badan rasmi kerajaan, badan dakwah Islam, badan kebajikan masyarakat dan badan perjuangan pembebasan juga dihuraikan.

Kajian mengenai identiti Melayu Patani dapat dibahagi kepada kajian tentang agama Islam, bahasa Melayu, adat istiadat, sejarah dan institusi pondok. Setakat ini tidak ada lagi kajian yang memfokuskan kepada identiti Melayu Patani dan

menghubungkaitkannya dengan peranan institusi pondok di wilayah Pattani. Selain daripada menggunakan maklumat daripada hasil kajian lampau pengkaji juga cuba memasukan maklumat-maklumat terkini supaya dapat melengkapkan lagi kajian ini.

### 1.5 Permasalahan Kajian

Institusi pondok di Nusantara yang berumur lebih dari satu abad ditubuhkan untuk mengendalikan pengajian agama Islam (Awang Had Salleh 1977). Pondok banyak berperanan dalam mendorong identiti Melayu di Patani. Oleh kerana Islam adalah cara hidup yang menentukan setiap gerak geri manusia, agama Islam juga menentukan identiti Melayu di kawasan ini melalui pengajian agama di pondok. Oleh itu Islam adalah identiti terpenting bagi penduduk Melayu dan mempengaruhi identiti lain.

Apabila Patani dijadikan sebahagian daripada Thailand, beberapa masalah berlaku kerana identiti yang jauh berbeza. Penduduk Melayu di Patani dan penduduk Buddha di Thailand berbeza hampir setiap segi. Orang Melayu beragama Islam, menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi, mengamalkan adat Melayu, mempunyai sejarah tersendiri, berpakaian Melayu, solat di masjid dan belajar agama di masjid atau pondok. Sementara majoriti negara mengamal identiti nasional, iaitu menganut agama Buddha, menggunakan bahasa Thai untuk berkomunikasi, mengamalkan adat dan kebudayaan Thai.

Keadaan yang berbeza antara identiti nasional dan identiti minoriti menyebabkan berlaku perselisihan. Untuk menyatupadukan rakyatnya, kerajaan telah